

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KELIMA TAHUN PERTAMA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN**

PADA 1 DISEMBER 2023 (ISNIN)

1. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

KESELAMATAN DI TAPAK KUARI

Pada 7 September 2023 Menteri Besar Perak mengumumkan akan membentuk satu jawatankuasa khas untuk menilai aspek keselamatan di tapak kuari.

- a) Nyatakan status penubuhan jawatankuasa khas tersebut yang bertujuan menilai semula aspek keselamatan bagi pengoperasian kuari di Perak.
- b) Nyatakan sama ada jawatankuasa khas ini akan terlibat dalam membentuk Garis Panduan Pembangunan Tanah.
- c) Nyatakan statistik kemalangan di tapak kuari dari tahun 2022 sehingga 2023

2. YB ENCIK MUHAMMAD HAKIMI BIN MOHD DAYAT (TITI SERONG)

Adakah kerajaan berhasrat untuk memberikan bantuan ihsan buat para pesawah yang terkesan dengan bencana tanah jertus pada musim sawah yang lalu?

3. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Bekalan air dan elektrik merupakan kemudahan asas yang perlu disediakan oleh pihak Kerajaan. Apakah perancangan Kerajaan untuk meluaskan capaian rangkaian paip air terawat dan bekalan sumber elektrik ke kawasan-kawasan pendalaman?

a) Apakah status permohonan oleh JPKK Kg. Guar, Manong kepada LAP Kuala Kangsar pada 12 November 2020 berkaitan pemasangan paip air besar di Kg. Tebing Tinggi, Guar, Manong? Permohonan telah melewati 3 tahun.

b) Apakah status permohonan pencawang baru elektrik di Kg. Sementa, Kuala Kangsar? Permohonan bekalan elektrik telah dikemukakan oleh penduduk kampung pada 15 Februari 2022

4. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Apakah perancangan terperinci kerajaan negeri dalam lima tahun akan datang untuk meningkatkan peluang pekerjaan berpendapatan lumayan untuk mengelakkan situasi "brain drain" dan untuk mengurangkan jurang pendapatan bagi mereka yang bekerja di Perak berbanding negeri lain?

5. **YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)**

Adakah banyak produk pelancongan di Kuala Kangsar. Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menjadikan Kuala Kangsar sebagai bandar tarikan pelancong?

6. **YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)**

Berkenaan kes tragedi rumah terbakar beralamat di No. 53 Kampung Tua Ulu Kerian melibatkan, telah dirujuk dengan pihak Baitumal, dimaklumkan terdapat beberapa masalah teknikal status tanah untuk bantuan di salurkan.

1. Apakah tindakan kerajaan bagi menangani masalah ini yang telah berlarutan sejak Februari 2023? memandangkan penama hanya tinggal di pondok usang yang dibina sendiri sejak dari tarikh kejadian.

2. Boleh atau tidak pihak kerajaan negeri membantu dengan kadar segera memandangkan ini melibatkan isi rumah seramai enam orang sekeluarga kategori miskin?

7. **YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)**

Isu kacau ganggu haiwan ternakan binatang lembu dan kerbau berkeliaran. Jumlah kemalangan jalanraya semakin bertambah di Kawasan DUN Chenderiang akibat binatang ternakan berkeliaran di kawasan perumahan seperti di Kg Baru Chenderiang, Kg Sg Lah dan Kg Lubuk Mas.

- a) Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini?
- b) Berdasarkan jawapan yang diberi oleh Kerajaan pada Sidang Dewan Negeri lepas, Majlis Daerah Tapah telah melaksanakan penguatkuasaan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Tapah) 2012 dan sentiasa melaksanakan tindakan kawalan dari semasa ke semasa ke atas isu kacauganggu haiwan ternakan. Tetapi isu kacauganggu haiwan ternakan binatang lembu dan kerbau berkeliaran masih tidak dapat diselesaikan. Adakah penduduk dibenarkan menangkap dan menyita haiwan ternakan yang berkeliaran untuk tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik haiwan ternakan sementara menunggu Majlis Daerah Tapah datang menangkap dan mengenakan kompaun ke atas pemilik haiwan ternakan tersebut?

8. **YB DATO' SHAHRUL BIN YAHYA (RUNGKUP)**

Merujuk kepada Ringkasan Eksekutif Perak Sejahtera 030 sebanyak 137 muka surat, apakah tindakan yang sedang dan akan diambil untuk memastikan visi, misi & objektif perak sejahtera 2030 dicapai pada tahun tersebut serta status penerimaan dan pemahaman rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030 ini yang merupakan aspirasi dari YAB Menteri Besar sendiri? Bagaimanakah perak sejahtera 2030 dapat memastikan sebuah daerah baru seperti Bagan Datuk tidak akan tertinggal dan terpinggir oleh pembangunan yang akan dibawa oleh Perak Sejahtera 2030?

9. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah pelan tindakan berkenaan pengukuhan keterjaminan makanan bagi negeri Perak?

- a. Berapakah jumlah rancangan pertanian bersepadu (RPB) di kawasan DUN Tronoh dan jumlah keluasan yang masih kosong?
- b. Bagaimanakah caranya untuk memohon lot-lot RPB yang masih kosong?

10. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

ISU HAIWAN BERKELIARAN

- a) Apakah perancangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menyelesaikan isu haiwan berkeliaran terutamanya di Daerah Kinta dan kawasan DUN Simpang Pulai?
- b) Berapakah tangkapan haiwan berkeliaran dalam operasi yang telah dijalankan di Perak, terutamanya di Daerah Kinta dan kawasan DUN Simpang Pulai?

11. YB KAPT (B) DATO' NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Apakah tindakan Lembaga Air Perak terhadap pengambilan pasir secara haram oleh kontraktor yang melakukan pemasangan paip di Kampung Sempeneh Cempaka?

12. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Memandangkan banyak kawasan yang menghadapi perkhidmatan ambulans tidak mencukupi, apakah rancangan Kerajaan Negeri atas penyelesaian isu ini supaya tiada nyawa dikorbankan semasa waktu kecemasan?

13. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Pelancongan

- a) Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk bekerjasama dengan negeri lain untuk mempromosi sektor pelancongan bersama?
- b) Sekiranya ada, apa rancangan yang telah dilakukan dan sasaran yang hendak dicapai?

14. YB PUAN KOO HAAI YEN (KERANJI)

Banjir kilat Kampar.

- a) Sila nyatakan apakah usaha pihak kerajaan negeri dalam menangani masalah banjir kilat di Kampar?
- b) Adakah kerajaan negeri berhasrat meneruskan projek RM10 Juta menangani banjir di Sungai Keranji yang disyorkan oleh JPS Negeri?

15. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah baik padang MBI di Jalan Lee Kwee Foh menjadi padang rakyat yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur sukan dan sebagainya?

16. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Taman Tasik Taiping merupakan destinasi pelancongan yang utama sempena sambutan ulang tahun ke-150 bandar Taiping pada tahun 2024.

- a) Apakah usaha Kerajaan negeri untuk membantu MPT memastikan infrastuktur yang sedia ada dapat memenuhi keperluan tersebut?
- b) Adakah lampu cahaya akan ditambah untuk menceriakan kawasan taman tasik yang agak gelap di beberapa lokasi tertentu?
- c) Apakah sebab utama dua buah air pancut yang tidak berfungsi sejak bertahun-tahun yang lalu tidak diperbaiki?